

## BEBERAPA KEKELIRUAN MASYARAKAT TENTANG SYIAH

1. • Adakah Syiah itu mazhab atau agama?
2. • Adakah Rukun Iman dan Rukun Islam golongan Syiah sama dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah?
3. • Adakah sumber pengambilan agama golongan Syiah sama dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah?
4. • Adakah benar al-Qur'an golongan Syiah berbeza dengan al-Qur'an Ahli Sunnah Wal Jamaah?
5. • Adakah rujukan hadis golongan Syiah sama dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah?
6. • Adakah benar Syiah mengkafirkan para Sahabat?

## CIRI-CIRI PENGANUT FAHAMAN SYIAH

1. • Mengenakan songkok hitam dengan bentuk tertentu.
2. • Meyakini tidak sah mengerjakan Solat Jumaat kecuali bersama imam yang ma'sum atau wakilnya di mana mereka menunaikan Solat Jumaat hanya untuk *bertaqiyyah* dengan jemaah yang lain. Setelah imam memberi salam mereka akan terus berdiri untuk memperdayakan jemaah lain bahawa mereka mengerjakan solat sunat, padahal mereka menyempurnakan Solat Zuhur empat rakaat.
3. • Menghimpun solat dan jarang melakukan solat berjemaah kerana meyakini hanya ada tiga waktu solat di mana mereka akan menghimpunkan Solat Zuhur bersama Solat Asar dan Solat Maghrib bersama Solat Isya' tanpa sebarang sebab.
4. • Menambah lafaz azan dengan menyebut, *Asyhadu anna 'Aliyyan waliyyullah dan Asyhadu anna 'Aliyyan hujjatullah* selepas *Asyhadu anna Muhammadar Rasulullah* serta menambah ucapan *Hayya 'ala khairil 'amal* selepas *Hayya 'alal falah*.
5. • Mengambil wuduk dengan cara yang berbeza iaitu dengan memadai menyapu di atas kaki seperti memakai *khuf* (kasut kulit) tanpa perlu membasuhnya.
6. • Menjatuhkan tangan ke bawah iaitu sisi tanpa meletakkannya di atas pusat ketika dalam kedudukan *qiam*.
7. • Membawa *at-turbah al-husainiyah* iaitu batu/tanah yang digunakan menempatkan kening ketika sujud apabila bersolat.
8. • Mengakhiri solat dengan memukul kedua paha mereka beberapa kali tanpa mengucapkan salam.
9. • Mereka tidak mengerjakan Solat Tarawih dan hanya mengerjakannya dengan tujuan *bertaqiyyah*.

10.
  - Menunjukkan pemujaan dan pengagungan yang keterlaluan terhadap Ahlul Bait iaitu Sayyidina Ali, Fatimah, Hasan dan Husain. Mereka lebih kerap menyebut nama “Ya Ali” atau “Ya Husain” ketika ditimpa musibah serta gemar menampal atau menggantung ucapan salam kepada Sayyidina Husain, Sayyidatina Fatimah dan Ahlul Bait yang lain di dinding.
11.
  - Memperlekeh dan memandang rendah serta menzahirkan kebencian kepada para Sahabat dan isteri Rasulullah SAW iaitu Sayyidina Abu Bakar, Sayyidina Umar, Sayyidina Uthman dan Ummahatul Mukminin RA.
12.
  - Melewatkan berbuka puasa dalam bulan Ramadhan sehingga hampir waktu Isya’ kerana mempunyai keyakinan bahawa masuk waktu berbuka puasa hanya setelah bintang-bintang sudah kelihatan di langit.
13.
  - Menganggap Solat Tarawih sebagai bida’ah.
14.
  - Menolak dari memakan ikan yang tidak bersisik.
15.
  - Mengadakan sambutan hari lahir imam-imam Ahlul Bait terpilih termasuk *Wiladah Fatimah*.
16.
  - Menyebut dan bersalawat ke atas Nabi Muhammad SAW dan ahli keluarga Baginda sahaja tanpa menyebut para Sahabat ketika berdoa.
17.
  - Menanam dan menimbulkan fitnah antara jamaah Salaf dengan jamaah lain, sementara itu mereka mendakwa tidak ada perselisihan antara mereka dengan jamaah lain selain Salaf.
18.
  - Menunjukkan kesedihan pada Hari Asyura tetapi tidak mengamalkan puasa pada hari tersebut malah memarahi mereka yang melakukan puasa pada Hari Asyura.
19.
  - Membaca talkin dengan menyebut nama Imam 12.

## PERBEZAAN ANTARA SYIAH DENGAN AHLI SUNNAH WAL JAMAAH

1.

- Syiah tidak mengikut Khulafa' ar-Rasyidin manakala Ahli Sunnah Wal Jamaah pula memuliakan Sahabat Rasulullah SAW termasuk Sayyidina Ali RA.

2.

- Syiah menolak hadis diriwayatkan selain Ahlul Bait (keluarga Nabi Muhammad SAW), sedangkan Ahli Sunnah Wal Jamaah tidak menolak hadis asalkan memenuhi syarat ilmu hadis.

3.

- Syiah mengangkat 12 imam sebagai ma'sum seolah-olah seperti Nabi dan Rasul sedangkan Ahli Sunnah Wal Jamaah menyatakan manusia adalah umat yang tidak terlepas daripada berbuat kesalahan dan dosa.

4.

- Syiah tidak mengakui ijmak jika tiada 12 imam mereka sedangkan Ahli Sunnah Wal Jamaah mengakui ijmak tanpa mensyaratkan imam Syiah.

**PERBEZAAN AHLI SUNNAH WAL JAMAAH DAN SYIAH**

<b>BIL.</b>	<b>AHLI SUNNAH WAL JAMAAH</b>	<b>SYIAH</b>
1.	<b>Rukun Iman</b>	
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Beriman kepada Allah</li> <li>• Beriman kepada malaikat</li> <li>• Beriman kepada kitab-kitab</li> <li>• Beriman kepada rasul</li> <li>• Beriman kepada hari kiamat</li> <li>• Beriman kepada qada' dan qadar</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>At-Tauhid</i> (Allah Maha Esa)</li> <li>• <i>Al-Adlu</i> (Allah Maha Adil)</li> <li>• <i>An-Nubuwwah</i> (para nabi)</li> <li>• <i>Al-Imamah</i> (para imam)</li> <li>• <i>Al-Ma'ad</i> (hari kebangkitan)</li> </ul>
2.	<b>Rukun Islam</b>	
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengucap dua kalimah syahadah</li> <li>• Mengerjakan solat fardu lima waktu</li> <li>• Menunaikan puasa di bulan Ramadan</li> <li>• Mengeluarkan zakat</li> <li>• Mengerjakan haji bagi yang berkemampuan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Solat</li> <li>• Puasa di bulan Ramadan</li> <li>• Zakat</li> <li>• Haji</li> <li>• <i>Al-Wilayah</i></li> </ul>
3.	<b>Syahadah</b>	
	Dua kalimah syahadah	Tiga kalimah syahadah (dua kalimah syahadah ditambah dengan menyebut 12 imam mereka).
4.	<b>Imamah</b>	
	Tidak termasuk Rukun Iman dan tidak terbatas pada 12 imam sahaja.	Mempercayai 12 imam sebahagian daripada Rukun Iman. Golongan yang tidak beriman kepada 12 imam dianggap kafir.
5.	<b>Khulafa'</b>	
	Memperakui Khulafa' ar-Rasyidin.	Menolak tiga khalifah yang pertama dan hanya menerima kepemimpinan Sayyidina Ali.
6.	<b>Sifat Maksum</b>	
	Mempercayai bahawa ia dimiliki oleh para nabi sahaja. Imam hanya manusia biasa yang tidak terlepas daripada dosa dan lupa.	Mempercayai bahawa Imam 12 mempunyai sifat maksum seperti para nabi.

7.	Mencaci Para Sahabat	
	Melarang mencaci para Sahabat.	Membenarkan sikap mencaci para Sahabat.
8.	Sayyidatina Aisyah	
	Sayyidatina Aisyah sangat dihormati dan dikasihi.	Sayyidatina Aisyah dicaci, difitnah malah dikafirkan.
9.	Kitab-Kitab Rujukan	
	Menjadikan <i>Kutubussittah</i> sebagai kitab-kitab hadis rujukan dan sandaran.	Mempunyai empat kitab rujukan: <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Al-Kaafi</i></li> <li>• <i>Al-Ibtisar</i></li> <li>• <i>Man la yah dhuruhu al-faqih</i></li> <li>• <i>At-Tahzib</i></li> </ul>
10.	Al-Qur'an	
	Memperakui bahawa al-Qur'an yang ada pada masa kini terpelihara keasliannya.	Menganggap bahawa al-Qur'an masa kini tidak asli kerana telah diubah oleh para Sahabat.
11.	Syurga dan Neraka	
	Mempercayai bahawa syurga untuk golongan yang taat kepada Allah dan rasulnya manakala neraka pula untuk golongan yang ingkar.	Mempercayai bahawa syurga untuk golongan yang cintakan Imam Ali walaupun tidak taat kepada Rasulullah SAW manakala neraka pula untuk golongan yang memusuhi Imam Ali walaupun taat kepada Rasulullah SAW.
12.	Konsep <i>Raj'ah</i> (Manusia dihidupkan semula dan <i>Ahlul Bait</i> akan membalas dendam kepada musuh-musuhnya)	
	Menolak konsep <i>raj'ah</i> . Menerima Imam Mahdi sebagai pembawa keadilan dan kedamaian pada akhir zaman nanti.	Mempercayai bahawa Imam Mahdi akan keluar dari persembunyiannya dan membangunkan Rasulullah, Imam Ali, Sayyidatina Fatimah dan <i>Ahlul Bait</i> yang lain dan membai'at kepadanya sebelum membangunkan Sayyidina Abu Bakar, Sayyidina Umar dan Sayyidatina Aisyah. Ketiga-tiganya kemudian disiksa dan disalib berulang kali sehingga mati.

13.	Mut'ah	
	Mengharamkan mut'ah dan menyamakannya dengan perbuatan zina.	Menghalalkan mut'ah khususnya untuk mempengaruhi orang mengimani fahaman Syi'ah.
14.	Khamir (Arak)	
	Menghukumkannya sebagai haram dan tidak suci.	Menghukumkannya halal dan suci.
15.	Air Istinja'	
	Menghukumkan tidak suci ke atas air yang telah digunakan untuk istinja'.	Menghukumkan air yang telah digunakan untuk istinja' sebagai suci dan mensucikan.
16.	Perbuatan Dalam Solat	
	Menghukumkan sunat bagi perbuatan meletakkan tangan kanan di atas tangan kiri.	Menghukumkan solat terbatal bagi perbuatan meletakkan tangan kanan di atas tangan kiri.
17.	Ucapan 'Amin' Pada Akhir Surah Al-Fatihah	
	Menghukumkan sunat bagi perbuatan mengucapkan 'amin' pada akhir Surah al-Fatihah.	Menghukumkan solat terbatal dan tidak sah bagi perbuatan mengucapkan 'amin' pada akhir Surah al-Fatihah.
18.	Solat Jamak	
	Mengharuskan Solat Jamak bagi orang yang bermusafir.	Mengharuskan Solat Jamak walau tanpa alasan apa pun.
19.	Solat Dhuha	
	Menghukumkan sunat bagi Solat Dhuha.	Mengharamkan Solat Dhuha.